

Rosmah hargai tindakan segera isteri Presiden Mesir

Usaha hubungi Suzanne rayu bebas pelajar kita bukti keprihatinan

Oleh Sharifah Salwa Syed Akil
inasalwa@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Naluri seorang ibu menyebabkan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor bertindak menghubungi isteri Presiden Mesir, Suzanne Mubarak, petang kelmarin untuk merayu membebaskan pelajar Malaysia, Mohd Ibrahim Azmi yang ditahan ketika menyertai Konvoi Viva Palestina di negara itu.

Rosmah yang menghubungi Suzanne sekitar jam 6.15 petang berkata, beliau dan Suzanne yang juga seorang ibu, memahami perasaan ibu bapa Mohd Ibrahim selepas mengetahui anak mereka menjadi sukarelawan pada konvoi berkenaan, ditahan.

Beliau turut memaklumkan kepada Suzanne bahawa pelajar terbabit masih muda, penuh emosi dan ditahan kerana mengambil gambar tetapi Mohd Ibrahim sendiri mungkin tidak mengetahui kesalahan dilakukannya.

"Saya amat menghargai tindak balas daripada isteri Presiden Mesir itu apabila beliau terus meminta nama pelajar terbabit dan butir peribadinya. Justeru, saya memaklumkan nombor pasport dan tarikh lahir Mohd Ibrahim untuk tindakan selanjutnya.

"Pada masa sama, Suzanne turut bertanyakan sama ada rakyat Malaysia lain turut ditahan tetapi saya memaklumkan hanya Mohd Ibrahim yang terbabit dan beliau perlu pulang ke universiti esok



ROSMAH pada sidang media mengenai pembebasan pelajar Malaysia di Mesir di kediamannya di Langgak Duta, Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir Azmi (kanan); Duta Besar Mesir ke Malaysia, Hani Abdel Kader Shash (kiri) dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Radzi Rahman.

(hari ini) untuk meneruskan pengajiannya," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Akhbar semalam melaporkan, lebih 10 anggota konvoi Viva Palestina cedera, empat daripadanya parah manakala tujuh lagi ditahan polis Mesir dalam kejadian tunjuk perasaan pada jam 11.40 malam, Selasa lalu.

Antara yang ditahan ialah

“Tidak kira anak siapa pun, kalau boleh saya melakukan sesuatu untuk meringankan beban ibu bapanya dan saya akan tunaikan kewajipan saya”

Rosmah Mansor
Isteri Perdana Menteri

Mohd Ibrahim, pelajar perubatan Universiti Bristol United Kingdom yang menyertai konvoi itu sebagai sukarelawan dari London, 6 Disember lalu.

Sambil mengucapkan terima kasih kepada Suzanne, beliau berkata, berita pembebasan Mohd Ibrahim pada jam 10 malam kelmarin melalui televisyen, ternyata memberi kelegaan kepadanya.

"Tidak kira anak siapa pun, kalau boleh saya melakukan sesuatu untuk meringankan beban ibu bapanya dan saya akan tunaikan kewajipan saya," katanya.

Rosmah berkata, beliau yang berjumpa dengan bapa pelajar terbabit, Dr Azmi Mohd Ghazali, semalam, turut sepakat bahawa Mohd Ibrahim perlu kembali ke universiti untuk meneruskan pengajian, sekali gus mendapatkan ijazah kerana dia menjadi harapan ibu bapa-

nya dan negara.

"Walaupun kita simpati mengenai sesuatu perkara, tetapi lebih mustahak untuk Mohd Ibrahim meneruskan pengajiannya, dapat keputusan dan seterusnya menjadi doktor terlebih dulu kerana saya tahu inilah harapan ibu bapa dan negara.

"Saya berharap pelajar lain juga tahu keutamaan mereka iaitu mendapatkan segulung ijazah sebelum terbabit dalam perkara lain yang tidak termasuk dalam kurikulum, kursus atau bidang pelajaran," katanya.

Sementara itu, Dr Azmi berkata, beliau dimaklumkan Wisma Putra bahawa kerajaan sudah mengambil langkah segera untuk membebaskan Mohd Ibrahim.

"Syukur kepada Allah dan terima kasih kepada semua pihak yang membantu membebaskan Mohd Ibrahim," katanya.